



# Memahami INFLUENZA



INFLUENZA atau "flu" disebabkan **virus influenza** atau **influenza virus**. Ia amat cepat merebak dan inilah yang menjadikannya satu cabaran kesihatan.

**ILI** (Influenza Like Illness atau 'penyakit seakan Influenza') adalah istilah yang kita gunakan untuk keadaan di mana pesakit menunjukkan tanda-tanda sepertimana pada Influenza tetapi belum diujipasti adalah memang Influenza.



**Bagaimana ia merebak?** Bila seseorang terinfeksi batuk atau bersin, beliau mengeluarkan titisan-titisan air yang setiapnya boleh terlepas laju sehingga 6 meter (batuk) atau 8 meter (bersin) ke depan. Cara lain yang jarang berlaku adalah dengan seseorang itu menyentuh sesuatu permukaan atau objek yang telah tercemar dengan virus itu, dan kemudiannya menyentuh mulut atau hidung atau atau matanya pula.

Untuk mengheniti virus Influenza merebak:

- ! Tutup mulut dan hidung dengan tisu bila anda batuk atau bersin. Tisu yang telah digunakan ke dalam tong sampah.
- ! Jika tiada tisu, batuklah atau bersinlah ke arah lengan baju; bukan ke dalam tangan
- ! Basuhlah tangan setelah batuk atau bersin.



## MENGENALI VIRUS INFLUENZA

Virus adalah makhluk yang tampak simpel tetapi sebenarnya kompleks. Ia berupaya menginfeksi semua jenis kehidupan dari tumbuhan hingggakan haiwan malah juga mikro-organisma.

lanya terdiri dari dua komponen:



1. Asid Nukleik - Ini adalah komponen teras virus terdiri dari DNA atau RNA i.e. asid dioksiribonuleik atau asid ribonukleik
2. Salutan protein (kapsid) - Ini adalah salutan luar yang melindungi inti atau teras DNA/RNA.

Terdapat 3 jenis virus Influenza:

- Influzavirus (Type) A**
- Influzavirus (Type) B**
- Influzavirus (Type) C**
- Influzavirus (Type) D**

Kita akan lebih terkesan oleh tiga jenis pertama, A, B, C

ILI cases soar in Negri Sembilan



Virus Influenza dibahagikan kepada penjenisan selanjutnya berdasarkan 2 molekul protein pada permukaan virus: hemagglutinin (H) dan neuroaminidase (N). Terdapat 18 jenis H berbeza; dan 11 jenis N berbeza, yakni H1 hingga H18; N1 hingga N11

Virus diklasikan mengikut ciri-ciri fenotaip, morfologi, jenis asid nukleik, cara replikasi, organisma perumah juga jenis penyakit yang disebabkan.


Virus (yang menyebabkan pada manusia) Influenza A dan B menyebabkan epidemik secara bermusim (seasonal). Influzavirus C pada amnya menyebabkan penyakit pernafasan yang agak ringan dan tidak dijangka epidemik. Influenza D biasanya meyebabkan penyakit pada lembu-kerbau dan tidak pada manusia.

**Masa inkubasi** (jarakmasa menerima virus hingga tampak simptom) adalah 1 - 4 hari. lanya berbeza dari seorang ke seorang. Pada purata masa inkubasi adalah 2 hari.

### Simptom (tanda-tanda) Influenza

- Kepala** - Sakit kepala
- Sistemik** - Demam biasanya tinggi\*
- Otot** - lenguh lesu
- Sendi** - sakit sendi
- Hidung/tekak** - Hidung berair atau tersumbat - Sakit tekak
- Pernafasan** - Batuk
- Perut** - loya-muntah

\* Suhu badan 39°C ke atas



**ANDA boleh hentikan Influenza merebak**

### Adakah ubat pemyembuh untuk Influenza?

Tiada ubat penyembuh sebenar tetapi ubat-ubat anti-viral - seperti Tamiflu - boleh megurangkan tempoh penyakit. Itupun ianya berkesan seandainya diambil dalamasa 48 jam pertama keluarnya tanda-tanda (simptom).

### Adakah vaksinasi khusus untuk mencegah Influenza?

Ada vaksinasi yang mampu mencegah Influenza bermusim (atau "Seasonal"). Ia biasanya berada dipasaran bermula Ogos/September setiap tahun. Ia diformulasi mengandungi kombinasi vaksin untuk melawan jenis atau "strain" virus Influenza yang dipercayai paling mungkin menyebabkan penyakit pada tahun berikutnya.



### Bagaimana dengan Influenza A (H1N1)?


Influenza A (H1N1) bermula sebagai virus "Novel" dan dengan demikian digeruni akan menyebabkan banyak kematian sepertimana pada "Spanish Flu Pandemik (1918). Rupanya ia tidaklah seperti yang disangkakan Lagipun, vaksinasi membenterasnya telah cepat diwujudkan. Kini kita tidak memerlukan Influenza A (H1N1) untuk dilapurkan. Memadailah ianya dirawat sepertimana Influenza A biasa. \*50 juta jiwa di seluruh dunia



Ruangan masa untuk berbicara dengan Doktor Panel anda



**DHi informatics**  
For members only



### ! ANCAMAN VIRUS NOVEL (Novel Virus)

Virus novel adalah virus belum pernah ditempuhi sebelum ini. Ia mungkin terhasil dari makhluk/persekitaran penanggung (reservoir) atau jangkitan ke manusia/haiwan perumah (host) yang belum dikenali sebelum ini. Ia mungkin sahaja virus yang baru terbentuk melalui perubahan alamiah. Virus sebegini pada teorinya berkemampuan menyebabkan penyakit yang teruk. Ini adalah kerana ketiadaan ketahanan oleh populasi yang terlibat. Contoh terbaik ialah "Selsema burung" (Avian flu) dan Influenza A H1N1. Selsema burung sewajarnya hanya melibatkan burung sahaja tetapi telah melompat ke manusia (biasanya penjaga atau pengendali). Selagi ia kekal sebegini bahayanya adalah terhad.